

06/11/2003

Penyenaraian Felda perlu kajian teliti

Mohd Azlan Jaafar

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan akan mengkaji dengan lebih mendalam sebelum menyenaraikan Felda di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Perdana Menteri berkata, ia bagi memastikan kepentingan peneroka terpelihara.

"Kita dah buat keputusan untuk tunggu dulu. Kita perlu kaji lebih mendalam lagi. Yang penting dalam hal ini kita mesti mengambil kira kebajikan peneroka," katanya.

Beliau berkata, kerajaan tidak mahu peneroka membuat andaian yang salah bahawa keputusan bagi menyenaraikan Felda dibuat tanpa mengambil kira langsung kebajikan mereka.

"Tentu mereka kecewa, dan kekecewaan ini jika tidak dibendung mungkin dieksploitasi oleh golongan yang sentiasa mahu mencari pasal," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya, semalam.

Mesyuarat Kabinet itu adalah yang pertama dipengerusikannya selepas mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kelima Malaysia Jumaat lalu.

Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 mengumumkan cadangan untuk menyenaraikan Felda Holdings Sdn Bhd di BSKL.

Penyenaraian Felda dengan lebih hampir 400,000 ribu hektar ladang itu akan menjadikannya syarikat perladangan terbesar di dunia yang disenaraikan.

Sebelum ini dilaporkan bahawa kira-kira 144,000 peneroka akan mendapat saham bernilai tidak kurang RM6,000 hasil daripada penyenaraian itu.

Bagaimanapun, ada pihak menentang penyenaraian itu atas alasan ia merugikan peneroka.

Sementara itu pada sidang media yang sama, Perdana Menteri menafikan kerajaan membelakangkan syarikat dari India dan China dalam memutuskan pemberian kontrak pembinaan landasan kereta api elektrik berkembar Utara-Selatan.

Abdullah berkata, sebaliknya dalam memutuskan penerima kontrak itu, kerajaan mengambil kira faktor harga dan kos.

"Kerajaan berhak memberikan tender kepada mereka yang menawarkan kos yang terbaik," katanya ketika ditanya sama ada isu pemberian kontrak pembinaan landasan kereta api elektrik berkembar itu dibincangkan pada mesyuarat Kabinet semalam dan sebab kerajaan memilih untuk memberikan kontrak utama projek itu kepada konsortium Malaysia Mining Corporation Bhd-Gamuda Bhd (MMC-Gamuda).

Pemberian kontrak kepada konsortium Malaysia itu bulan lalu menimbulkan rasa tidak puas hati Indian Railway Construction Co (Ircon) yang sebelum ini sudah diberikan surat hasrat (LOI) untuk melaksanakan projek itu di bahagian utara.

China Railway Engineering Corp (CREC) yang juga diberikan LOI untuk pembinaan di bahagian selatan juga terkeluar daripada senarai penerima kontrak itu.

India dan Malaysia menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) pembinaan landasan kereta api elektrik berkembar sejauh 340 kilometer dari Ipoh ke Padang Besar pada Mei 2001.

MoU yang sama juga ditandatangani dengan Kerajaan China bagi pembinaan rel sepanjang 297 kilometer dari Seremban ke Johor Bahru.

